



TATACARA MENGENAI BERKEMPEN DAN TATA ETIKA CALON PEMILIHAN MESUARAT AGUNG NEGERI DAN MESUARAT AGUNG PERWAKILAN ANGKASA

ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD

1. TUJUAN

Tujuan Tatacara mengenai Berkempen dan Tata etika Calon Pemilihan Mesyuarat Agung Negeri ('MAN') dan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA ('MAPA') [selepas ini dirujuk sebagai "Tatacara"] ini adalah untuk mewujudkan amalan dan tatalaku dan etika yang terbaik semasa pemilihan MAN dan MAPA demi kepentingan dan kebaikan semua pihak.

2. PATUH KEPADA UNDANG-UNDANG

- 2.1 Tatacara ini ialah panduan yang tertakluk kepada pemakaian semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan.
- 2.2 Semua mereka yang mengambil bahagian dalam pemilihan MAN dan MAPA hendaklah mematuhi undang-undang dan peraturan lain yang berkaitan.

3. TERAS TATACARA

- 3.1 Teras Tatacara ini ialah peruntukan Undang-undang kecil ANGKASA (UUK).
- 3.2 **Fasal 5 UUK 24** menyatakan seperti berikut:

"Lembaga ANGKASA boleh membuat apa-apa penentuan, selain daripada yang dinyatakan dalam Perintah Tetap, untuk memastikan Mesyuarat Agung Perwakilan dapat berjalan dengan lancar dan sempurna termasuk tatacara mengenai berkempen dan tata etika calon".

- 3.3 **Fasal 5 UUK 47** menyatakan seperti berikut:

"Lembaga ANGKASA boleh membuat apa-apa penentuan, selain daripada yang dinyatakan dalam Perintah Tetap, untuk memastikan Mesyuarat Agung Negeri dapat berjalan dengan lancar dan sempurna termasuk tatacara mengenai berkempen dan tata etika calon."

4. PEMAKAIAN TATACARA

- 4.1 Tatacara ini terpakai sepanjang tempoh pemilihan MAN dan MAPA, iaitu dari Hari Penamaan Calon sehingga keputusan pemilihan MAN dan MAPA diisyiharkan.
- 4.2 Tatacara ini terpakai bagi semua koperasi anggota, anggota koperasi, calon dan pekerja serta penyokongnya, ejen, yang mengambil bahagian dalam pemilihan MAN dan MAPA.

5. HARI PENAMAAN CALON

- 5.1 Perarakan Calon dan penyokong-penyokongnya ke Pusat Penamaan Calon pada Hari Penamaan Calon sama sekali tidak digalakkan. Bagaimanapun, jika perarakan perlu juga diadakan, maka pihak penganjurnya hendaklah mematuhi peraturan berikut:
 - a) Mengikut prosedur dan arahan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kesihihan Wakil dan Calon (selepas ini dirujuk sebagai "JKWC") dan pihak berkuasa semasa berkumpul dan berarak ke Pusat Penamaan Calon;
 - b) Tidak mengadakan apa-apa ucapan atau ceramah semasa berarak atau berkumpul;
 - c) Tidak menggunakan alat muzik atau pembesar suara semasa berarak atau berkumpul;
 - d) Tidak memasuki sempadan jarak 50 meter atau di dalam mana-mana jarak kawasan dari Pusat Penamaan Calon tertentu yang ditetapkan oleh JKWC.
- 5.2 Hanya Calon, pencadang dan penyokong penamaan calon serta mana-mana orang lain yang diberi kebenaran oleh JKWC boleh memasuki Bilik Penamaan Calon.
- 5.3 Kumpulan penyokong Calon yang ditetapkan jumlahnya oleh JKWC dibenarkan berada di dalam kawasan jarak 50 meter dari sempadan Pusat Penamaan Calon.

6. KEMPEN

- 6.1 Semua pihak dan penyokong Calon hendaklah patuh kepada syarat tempoh berkempen dari Hari Penamaan Calon hingga pengisytiharan bermula pengundian oleh Pengerusi JKWC. Sebelum tempoh berkempen bermula, tidak boleh diadakan sebarang bentuk kempen (perhimpunan atau majlis ceramah atau pemasangan atau edaran bahan kempen);
- 6.2 Tidak boleh mengadakan sebarang ceramah terbuka, perjumpaan awam terbuka, perhimpunan awam terbuka, pertunjukan awam terbuka atau hiburan awam terbuka melainkan jika mendapat permit yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa berkenaan di mana aktiviti tersebut dijalankan;
- 6.3 Tidak boleh menggunakan mana-mana masjid, gereja, kuil, tokong atau tempat ibadat lain sebagai tempat untuk kempen;
- 6.4 Pengendalian perhimpunan atau majlis ceramah yang telah mendapat permit daripada Pihak Berkuasa yang berkenaan hendaklah mengendali nya dalam suasana aman, tenteram dan teratur serta mematuhi undang-undang iaitu:

- a) Tidak berlaku apa-apa gangguan atau kekecohan ditimbulkan oleh mana-mana pihak tertentu;
 - b) Tidak berlaku apa-apa bentuk kecaman ke atas hal ehwal peribadi mana-mana calon, di khalayak umum yang mempunyai unsur-unsur berita palsu dan tidak benar, tohmahan, fitnah ataupun tuduhan yang tidak berasas;
 - c) Tidak ada apa-apa bentuk rayuan atau dorongan untuk mendapatkan sokongan berdasarkan unsur-unsur dan semangat perkauman atau keagamaan;
 - d) Apa-apa kritikan atau ulasan hendaklah tertumpu kepada persoalan dasar oleh Calon serta isu-isu yang berkaitan dengan aspek pentadbiran.
- 6.5 Tidak boleh melakukan apa-apa tatalaku atau perbuatan (dalam bentuk lisan, tulisan atau apa-apa gambaran) yang boleh mencetuskan perasaan tidak senang, benci atau permusuhan antara kaum, agama atau budaya dalam kalangan masyarakat.

7. BAHAN KEMPEN

- 7.1 Apa juga bahan kempen tidak boleh dipamerkan sebelum bermulanya masa sebenar tempoh berkempen;
- 7.2 Tidak boleh mempamerkan, memberikan atau mengedar bahan kempen dalam dewan mesyuarat MAN dan atau MAPA. Bagi mesyuarat MAN dan MAPA yang diadakan secara atas talian, tele sidang (*tele-conference*) bahan kempen dalam apa jua bentuk tidak boleh di edar atau di pamer dalam mana-mana ruangan komen, chat box yang boleh dilihat perwakilan dalam semasa dan sepanjang sesi mesyuarat MAN atau MAPA berlangsung.
- 7.3 Tidak boleh menggunakan mana-mana tapak tanah, bangunan atau premis tanpa kebenaran tuan punya, pihak berkuasa tempatan, atau mana-mana pihak lain yang berkenaan untuk mendirikan tiang-tiang bendera, memasang kain rentang, menampal poster serta slogan bertulis dan apa-apa bahan kempen lain;
- 7.4 Tidak boleh memasang poster atau kain rentang di atas dan sekitar jambatan atau persimpangan jalan yang boleh menjelaskan keselamatan pengguna jalan raya;
- 7.5 Tidak boleh mengganggu dengan apa cara sekalipun bahan kempen calon yang menjadi saingan;
- 7.6 Hanya bendera, poster dan kain rentang serta bahan bercetak seperti risalah dibenarkan. Penggunaan billboard untuk pameran bahan kempen tidak dibenarkan. Pemasangan bahan kempen tertakluk kepada peraturan berikut:
 - a) Hanya gambar calon yang bertanding di dalam pemilihan MAN atau MAPA berkenaan dibenarkan dalam buku pencalonan MAN atau MAPA. Slogan, karikatur atau apa-apa bentuk penyampaian mesej yang mempunyai apa-apa unsur sindiran dan mengejek atau seumpamanya sama sekali tidak dibenarkan;
 - b) Poster dan bahan-bahan kempen lain tidak boleh ditampal pada mana-mana dinding bangunan kerajaan, swasta atau persendirian atau pada mana-mana tembok jalan raya atau jambatan tiang-tiang lampu dan telefon serta pokok hiasan sepanjang jalan raya;
 - c) Patuh kepada arahan dan keputusan Pengerusi JKWC apabila mana-mana pihak diminta untuk menurunkan bahan kempen, memberhentikan ceramah atau

- memberhentikan pengedaran bahan kempen yang melanggar undang-undang dan peraturan pemilihan MAN dan MAPA;
- d) Hendaklah menurunkan poster dan kain rentang bahan kempen dan membersihkan kawasan kempen daripada apa-apa bahan kempen selepas pilihan raya mengikut tempoh yang ditetapkan oleh Pengerusi JKWC;
- 7.7 Semua pihak hendaklah mematuhi Garis Panduan No.13 Suruhanjaya Koperasi Malaysia iaitu Garis Panduan mengenai Etika Calon Anggota Lembaga Koperasi (GP13).

8. KEMUDAHAN AWAM

- 8.1 Bangunan awam serta kemudahan-kemudahan lain seperti elektrik dan air tidak boleh digunakan untuk perhimpunan kempen pilihan raya tanpa kebenaran bertulis daripada pihak berkuasa yang bertanggungjawab bagi bangunan berkenaan;
- 8.2 Kenderaan atau alat-alat komunikasi milik kerajaan tidak boleh digunakan untuk tujuan berkempen.

9. HARI MENGUNDI

- 9.1 Semua pihak dan penyokong calon hendaklah:
- a) Tidak membina dan menggunakan "barung panas" untuk merayu undi atau menyemak nama pemilih di sekitar dewan mesyuarat;
 - b) Bekerjasama dalam memastikan proses pengundian dijalankan dengan aman, teratur dan mengikut undang-undang;
 - c) Patuh kepada peraturan dan arahan yang dikeluarkan oleh Pegawai yang bertugas;
 - d) Patuh kepada prosedur dan arahan keselamatan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkenaan;
 - e) Tidak melakukan apa-apa perkara yang boleh dianggap sebagai merasuah atau membeli undi;
 - f) Tidak dengan apa cara jua pun menghalang, menggalang, mengugut atau menakut-nakutkan perwakilan untuk mengundi;
 - g) Tidak dengan apa cara jua pun menghalang, menggalang, mengugut atau menakut-nakutkan pekerja mana-mana calon daripada menjalankan tugasnya;
 - h) Tidak memasuki sempadan 50 meter atau di dalam jarak kawasan tertentu dari Pusat Mengundi yang ditetapkan oleh Pengerusi JKWC, kecuali bagi tujuan untuk mengundi;
 - i) Tidak merayu (meraih undi) sama ada bertujuan untuk menyokong atau menentang calon yang bertanding;

- j) Tidak boleh memakai, memegang atau membawa apa-apa bentuk atau jenis pakaian, topi atau tudung, barang hiasan, roset, botol air atau payung dan seumpamanya yang padanya tercetak atau tertera nama calon, lambang atau simbol mana-mana calon di dalam jarak kawasan 50 meter atau di dalam jarak kawasan tertentu dari sempadan mana-mana tempat Mengundi yang ditetapkan oleh Pengerusi JKWC;
- k) Tidak mengibarkan sebarang bentuk bendera yang mempunyai simbol calon pada mana-mana kenderaan;
- l) Tidak boleh mengganggu Ketua Tempat Mengundi atau petugas Pengundian seperti meminta kad pengenalan pengundi dan seumpamanya;
- m) Tidak boleh diadakan sebarang sidang media atau ditemu ramah di dalam kawasan jarak 50 meter atau di dalam jarak kawasan tertentu dari Pusat Mengundi yang ditetapkan oleh Pengerusi JKWC.

10. PENGIRAAN UNDI DAN PENJUMLAHAN RASMI UNDI

- 10.1 Calon dan wakil calon hendaklah hadir pada masa yang ditetapkan di tempat pengiraan undi atau tempat Penjumlahan Rasmi Undi untuk melihat proses pengiraan undi;
- 10.2 Calon dan wakil calon hendaklah memastikan bahawa petugas – petugas di tempat pengiraan undi dapat menjalankan tugas mereka dalam keadaan tenteram dan teratur tanpa gangguan, kacau ganggu dan perkara seumpamanya;
- 10.3 Tidak ada mana-mana pihak dibenarkan menghebahkan mana-mana keputusan pengiraan undi yang dijalankan sebelum diumumkan oleh Pengerusi JKWC;
- 10.4 Tidak sesiapapun dibenarkan menghalang atau mengganggu pergerakan petugas - petugas ke Pusat Penjumlahan Rasmi Undi;
- 10.5 Semua mereka yang dibenarkan berada di tempat pengiraan undi atau di Pusat Penjumlahan Rasmi Undi hendaklah berada dalam keadaan tenang dan mematuhi apa-apa arahan Pengurus Tempat Mengundi atau pegawai serta petugas lain untuk tidak mengganggu-gugat urusan pengiraan atau penjumlahan rasmi undi. Mereka tertakluk kepada peraturan berikut:
 - a) Mematuhi prosedur yang ditetapkan dan tidak membuat bising. Jika tidak berpuas hati dengan proses yang dijalankan, aduan hendaklah dibuat secara berhemah dan bertulis;
 - b) Jika didapati perlu diadakan pengiraan semula kerana dalam pengiraan undi di antara Calon yang menang dengan Calon yang berada pada kedudukan kedua, terdapat perbezaan 4% atau kurang dalam perolehan jumlah undi, maka tuntutan untuk mengadakan pengiraan semula hendaklah dibuat di tempat pengiraan undi yang telah ditetapkan.
- 10.6 Semua mereka yang dibenarkan hadir di Pusat Penjumlahan Rasmi Undi hendaklah berada di tempat duduk yang dikhaskan untuk calon dan wakil calon masing-masing.

11. PENGISYTIHARAN KEPUTUSAN

- 11.1 Calon yang bertanding atau wakil calon yang berkenaan diminta dan sewajarnya hadir semasa penjumlahan rasmi undi dan pengisytiharan keputusan pemilihan;
- 11.2 Calon tidak dibenarkan membuat apa-apa ucapan di atas pentas pengisytiharan keputusan sejurus selepas keputusan diumumkan oleh Pengerusi JKWC;
- 11.3 Calon, wakil calon atau mana-mana penyokong calon tidak dibenarkan mengadakan sidang media atau ditemu ramah di dalam tempat Penjumlahan Rasmi Undi, kecuali jika ada disediakan tempat khas untuk tujuan tersebut atau di luar tempat Penjumlahan Rasmi Undi;
- 11.4 Semua pihak dan para penyokong hendaklah:
 - a) Mengawal perasaan masing-masing bagi memastikan ketenteraman awam terpelihara semasa keputusan pilihan raya diumumkan;
 - b) Menunjukkan tatalaku yang baik dan saling menghormati calon lawan dan penyokongnya semasa keputusan diumumkan;
 - c) Tidak melakukan perarakan kemenangan di tempat awam yang boleh menimbulkan ketegangan dan mengganggu ketenteraman orang ramai;
 - d) Tidak membuat sebarang tuduhan liar berkenaan dengan proses pengundian yang dijalankan. Sebarang rasa tidak puas hati hendaklah disalurkan melalui proses undang-undang.

12. ADUAN DAN TINDAKAN TERHADAP PELANGGARAN TATACARA

- 12.1 Mana-mana calon atau koperasi anggota atau individu yang ingin membuat aduan tentang pelanggaran Tatacara kempen oleh mana-mana calon boleh memuat turun borang aduan yang disediakan di laman web ANGKASA di <http://angkasa.coop>
- 12.2 Borang yang telah lengkap diisi hendaklah disertakan dengan bukti-bukti dan diserahkan ke kaunter di Bahagian Pengurusan Risiko, Tadbir Urus dan Integriti ANGKASA untuk tindakan selanjutnya atau dikemukakan kepada Pengerusi JKWC.
- 12.3 Mana-mana pihak yang didapati melanggar mana-mana perkara yang dinyatakan di bawah Tatacara ini boleh diambil tindakan sewajarnya yang difikirkan perlu oleh Pengerusi JKWC.

13. PINDAAN, PERUBAHAN ATAU PEMBATALAN TATACARA

- 13.1 Semua calon, wakil calon, pemerhati, koperasi anggota dan lain-lain yang diputuskan oleh Lembaga ANGKASA hendaklah mematuhi Tatacara ini berkuat kuasa pada tarikh Tatacara ini diluluskan oleh Lembaga ANGKASA dan sebarang pindaan atau perubahan atau pembatalan akan dimaklumkan dari masa ke semasa setelah diluluskan oleh Lembaga ANGKASA.

Tatacara ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Kebangsaan Bil. 8/2021 pada 3 September 2021 dan berkuat kuasa pada tarikh aturan ini dikeluarkan dan sebarang pindaan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

“SADIK, AMANAH, TELUS”



HASNAN HAJI MUSTAPHA
Setiausaha Eksekutif

Tarikh kuat kuasa : 3 September 2021